



## MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN

1. (a) SKIM : PENOLONG PEGAWAI TADBIR  
(b) KUMPULAN : PELAKSANA  
PERKHIDMATAN  
(c) KLASIFIKASI : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN  
PERKHIDMATAN  
(d) GRED : N29
2. JADUAL GAJI :
- | GAJI<br>MINIMUM | GAJI<br>MAKSIMUM | KADAR<br>KENAIKAN<br>GAJI<br>TAHUNAN |
|-----------------|------------------|--------------------------------------|
| RM1,493.00      | RM5,672.00       | RM145.00                             |
3. SYARAT LANTIKAN 3.1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-  
(a) warganegara Malaysia;  
(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;  
(c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau  
(ii) Sjil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau  
(iii) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,770.95).

- 4. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- 5. PENETAPAN GAJI PERMULAAN** : Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred N29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berdasarkan kepada pengalaman kerja berkaitan
- 6. PERGERAKAN GAJI TAHUNAN** : Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- 7. TARAF JAWATAN** : **KONTRAK**

## **CARA-CARA PERMOHONAN**

1. Permohonan hendaklah dibuat menggunakan Borang Permohonan Jawatan yang boleh didapati secara **percuma** di **Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Pontian** atau boleh dimuat turun di laman web: <http://www.mppn.gov.my>.
2. Permohonan dari **pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat** dengan Kerajaan / Pihak Berkuasa Tempatan / Badan Berkanun mestilah membuat permohonan melalui **Ketua Jabatan** mengikut Peraturan 18 di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dan hendaklah disertakan dengan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini serta Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) terkini untuk tiga (3) tahun terakhir.
3. **Borang permohonan hendaklah ditampal dengan sekeping gambar berukuran passport** dan disertakan dokumen-dokumen berikut **yang telah diakui sah**:-
  - 1.1 Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM);
  - 1.2 Salinan Sijil Penilaian Menengah Rendah (PMR);
  - 1.3 Salinan transkrip pengajian;
  - 1.4 Salinan sijil Diploma/Ijazah  
Salinan semakan Pengiktirafan Kelayakan dari JPA melalui laman web interaktif <http://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm>
  - 1.5 Salinan sijil/dokumen akademik dan lain-lain yang berkaitan;
  - 1.6 Salinan Lesen Kelas Memandu;
  - 1.7 Salinan Kad Pengenalan;
  - 1.8 Salinan Sijil Kelahiran ; dan
  - 1.9 Gambar berukuran pasport terbaru.
4. Borang permohonan jawatan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada:

**YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN**  
**JALAN ALSAGOFF**  
**82000 PONTIAN**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 25 SEPTEMBER 2022**

5. Permohonan yang lewat, tidak lengkap atau tidak mengikut syarat di atas akan ditolak;
6. Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
7. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai **tidak berjaya**.
8. Pentadbiran Majlis Perbandaran Pontian tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temuduga.



MOHD EZZUDDIN BIN SANUSI

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Pontian